

Nilai Bahasa Melayu sebagai Penggerak Budaya Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat Berbilang Kaum

Adenan Ayob

Abstrak

Nilai bahasa Melayu penting dalam semua aspek kehidupan bermasyarakat, apatah lagi fungsinya berkait rapat dengan unsur keutuhan perpaduan. Para sarjana psikolinguistik mengkaji nilai bahasa dengan cara mengesan proses minda atau otak manusia memperoleh, memahami, menyimpan dan menggunakannya. Objektif kajian ini digubal untuk menganalisis kepentingan nilai bahasa Melayu dalam menggarab budaya cinta akan perpaduan. Kajian ini turut mengenal pasti cara sesuai berasaskan nilai bahasa Melayu untuk meningkatkan integriti asas budaya bagi pemupukan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Kaedah analisis kandungan yang berasaskan reka bentuk kualitatif digunakan untuk mencapai sasaran penggubalan objektif penyelidikan ini. Analisis pendapat tokoh-tokoh bahasa, budaya dan kebudayaan dilakukan dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah seperti buku dan laporan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai bahasa Melayu menjadi teras utama dalam menjana perhubungan serta persefahaman antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Dasar-dasar yang dibentuk oleh pemerintah amat penting dalam memastikan nilai bahasa Melayu sentiasa dimartabatkan. Saranan yang penting ke arah lonjakan nilai bahasa Melayu adalah dengan memperteguh Kebudayaan Kebangsaan dari aspek penggunaannya, di samping memperjelas kedudukannya menerusi aspirasi Perlembagaan Negara.

Kata kunci nilai bahasa Melayu, integriti asas budaya, pemupukan perpaduan, memperteguh kebudayaan kebangsaan, aspirasi Perlembagaan Negara

Abstract

Value of Malay language is important in all aspects of community life. In other circumstances, the value of Malay language is closely related to the integrity and unity. Psycholinguistics scholars studying the language by way of the mind or brain to detect the humans to acquire, understand, store and use it. The objective of this study is to analyze the importance of the Malay language in culture towards sowing the love of unity. This study also identified ways to enhance the integrity of cultural foundation for nurturing unity among various ethnic groups in the country. Content analysis method based on qualitative design was used to achieve the research objectives. Analysis of figures upon opinion towards language and culture is done by reference to educational materials. The results showed that the Malay language became the main thrust in generating communication and understanding between the races with one race to another. Policies that were established by the government are crucial in ensuring the Malay language is always upheld. Important recommendations showed the soaring value of the Malay language is to strengthen the National Culture in terms of its use, as well as to clarify its position in the aspirations of Constitution.

Keywords *value of Malay language, the basic integrity of culture, nurturing unity, reinforcing the national culture, aspirations of Constitution*

Pendahuluan

Kerap dibicara dan dipaparkan oleh media massa bahawa pihak kerajaan mengutarakan pelbagai program berkenaan bahasa Melayu. Antara tujuan belakang tabir adalah terarah kepada usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang nilai bahasa Melayu itu sendiri. Kesedaran semua pihak wajar ditingkatkan untuk mencerap nilai bahasa dan kaitannya yang mendalam terhadap budaya dan kebudayaan. Nilai bahasa Melayu juga wajar diaplikasikan atas sesuatu hasrat dan aspirasi yang menyentuh perpaduan nasional. Terdapat beberapa contoh dalam pelaksanaan program berkaitan, seperti Bulan Bahasa Kebangsaan dan Kempen Bahasa Jiwa Bangsa. Fungsinya berkisar kepada usaha untuk menerangkan nilai bahasa Melayu kepada masyarakat yang berbilang kaum.

Hakikatnya, pelbagai cara halus telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memperkukuh nilai bahasa Melayu dalam mengorak

perpaduan kebangsaan. Malangnya masih wujud sesetengah golongan masyarakat yang bersikap acuh tidak acuh, selain bertindak sambil lewa sahaja dalam mengaplikasikan hasrat dan aspirasi tersebut. Kesannya, nilai bahasa Melayu ke arah pembangunan masyarakat yang berteraskan perpaduan nasional hanya dipandang enteng.

Latar Belakang Kajian

*Yang kurik itu kundi
Yang merah itu saga
Yang cantik itu budi
Yang indah itu bahasa*

Kelihatan bahawa begitu indah nilai bahasa Melayu sehingga mencetuskan kehalusan estetik. Daripada banyak faktor, nilai bahasa Melayu muncul sebagai faktor yang mendominasi dan menggerakkan landasan yang kukuh terhadap pembentukan perpaduan masyarakat majmuk sejak kemerdekaan. Pengiktirafan yang diberikan kepada nilai bahasa Melayu pasti mengungkap keistimewaan tersendiri yang menyebabkan wujud keupayaan dalam menjunjung kredibiliti bahasa Melayu sebagai bahasa teras bagi pembentukan perpaduan kaum di Malaysia. Dari segi konsep, nilai bahasa Melayu yang menginjak teras perpaduan bangsa di Malaysia dapat dikaitkan sebagai bahasa utama yang berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perantaraan serta berupaya menjadi nadi penyatuan pelbagai kaum di negara ini (Adenan Ayob, 2009).

Mengapakah nilai bahasa Melayu terserlah sebagai bahasa kebangsaan? Sejarah membuktikan bahawa nilai bahasa Melayu telah menampilkan status *lingua franca* atau bahasa komunikasi utama sejak zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 dulu. Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik. Permuafakatan pelbagai kaum juga dapat dirakamkan dalam bentuk dokumen tertinggi dan luhur, iaitu dalam Perlembagaan Negara yang berdasarkan Perkara 152, sebagai bahasa bagi Malaysia yang merdeka. Jelas bahawa nilai bahasa Melayu telah memperoleh pengiktirafan semua kaum sebagai bahasa cerminan bangsa Malaysia (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Nilai bahasa Melayu turut dikongsi serta dinikmati bersama ke arah pencapaian matlamat perpaduan yang tulen.

Bagaimanakah bahasa Melayu boleh berfungsi secara berterusan sebagai bahasa perpaduan? Sebenarnya, kupasan terhadap soalan tersebut dapat disingkap daripada kedudukan dalam nilai yang terdapat dalam bahasa Melayu itu sendiri yang menjadi teras perpaduan bangsa Malaysia. Kedudukan ini pula diperkukuh oleh penggunaan bahasa Melayu yang tidak pernah disangsikan oleh kaum-kaum yang lain. Alasan yang kuat adalah dikaitkan dengan faktor yang tersirat dalam nilai bahasa Melayu itu sendiri yang tidak dianggap sebagai penggerak perpaduan (Asep Ahmad Hidayat, 2006). Kesannya, nilai bahasa Melayu tidak menyebabkan bahasa ibunda kaum-kaum lain terancam.

Rahsia tersembunyi dalam nilai bahasa Melayu juga masih tetap diyakini sebagai bahasa perpaduan. Pernyataan ini berasaskan jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang telah menunjukkan bahawa bahasa-bahasa lain masih boleh digunakan. Oleh itu, nilai yang ada pada bahasa-bahasa lain juga boleh dianggap sebagai satu keistimewaan untuk turut berkembang (Adenan Ayob, 2009).

Gerakan Cintailah Bahasa Kita yang telah dilancarkan pada 11 Disember 1987 menunjukkan titik permulaan yang memaparkan bukti serius pihak kerajaan dalam mengangkat martabat nilai bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi paling utama untuk pelbagai kaum. Sejak itu, banyak aktiviti dalam program kebahasaan telah membabitkan penglibatan pelbagai kaum. Ekoran itu, nilai bahasa Melayu yang merupakan satu bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi dalam komunikasi utama telah melonjakkan identiti masyarakat majmuk menerusi model integriti perpaduan dunia dan turut dijadikan asas dalam pendidikan (Rosnani Hashim, 2004).

Pernyataan Masalah

Sebelum ini, sarjana bahasa Melayu deskriptif begitu tertarik untuk mengkaji dan menghuraikan sistem ilmu bahasa sahaja. Kajian lebih tertumpu kepada aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan makna (Asep Ahmad Hidayat, 2006). Kajian tentang nilai bahasa pula banyak terarah kepada aspek-aspek yang bukan dalam lingkungan kehidupan masyarakat, khususnya yang berakarumbikan pendidikan (Rosnani Hashim, 2004; Adenan Ayob, 2009). Misalnya, sarjana-sarjana sosiolinguistik sering melakukan kajian tentang fungsi sosial

bahasa. Ini termasuk cara bahasa digunakan seharian dalam kalangan masyarakat, selain tatacara pembentukan makna berasaskan konteks sosial.

Jelasnya, kebanyakan kajian tidak memberikan ruang kepada kepentingan-kepentingan yang terdapat dalam nilai bahasa Melayu untuk menggerakkan cara hidup yang berpegang kepada konsep perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia berbilang kaum (Adenan Ayob, 2009). Abdullah Sani Yahaya (2003) mengulas bahawa tidak terdapat juga kajian yang benar-benar memberikan pandangan tentang realiti dalam nilai bahasa Melayu yang boleh diungkap sebagai landasan untuk memupuk jalinan semangat perpaduan yang mantap.

Hakikatnya, nilai bahasa Melayu mempunyai hubungan yang nyata dengan konsep perpaduan nasional. Justeru, kajian ini cuba mengkaji nilai bahasa Melayu dalam perpaduan yang membabitkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Objektif Kajian

Daripada pernyataan masalah, objektif umum kajian ini digubal untuk mengkaji nilai bahasa Melayu dalam perpaduan yang membabitkan masyarakat Malaysia berbilang kaum. Objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

1. Menganalisis kepentingan-kepentingan nilai bahasa Melayu dalam perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
2. Mengenal pasti cara-cara sesuai untuk meningkatkan integriti asas budaya berteraskan nilai bahasa Melayu bagi pemupukan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Soalan Kajian

Soalan kajian ini digubal dengan berasaskan kedua-dua objektif khusus. Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah kepentingan-kepentingan nilai bahasa Melayu dalam perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia?

2. Bagaimanakah integriti asas budaya berteraskan nilai bahasa Melayu bagi pemupukan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dapat ditingkatkan?

Kepentingan Kajian

Kepentingan asas bagi kajian ini berhalatujukan penampilan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa nilai bahasa Melayu telah berubah tarafnya daripada bahasa kebangsaan bangsa Melayu kepada bahasa kebangsaan negara Malaysia. Perubahan taraf ini mempunyai kepentingan terhadap proses sosiobahasa dan sosiobudaya yang melambangkan keharmonian hidup semua kaum untuk berkongsi satu bahasa, iaitu bahasa Melayu. Perubahan taraf ini juga bermaksud bahawa nilai bahasa Melayu lebih berfokuskan inti pati perpaduan dalam mencapai cita-cita luhur ke arah memajukan taraf kehidupan yang menjamin kesejahteraan. Perubahan taraf ini juga melambangkan identiti Malaysia yang merentas segala sempadan dan kepentingan kaum. Ada yang beranggapan bahawa nilai bahasa Melayu tidak mempunyai kekuatan sebagai alat pembangunan negara, tetapi hanya sebagai lambang negara. Justeru, kepentingan kajian ini memungkinkan timbulnya anggapan positif bahawa nilai bahasa Melayu mampu menjana kesinambungan cemerlang dalam cetusan proses komunikasi yang luas demi menggerakkan dinamika perpaduan negara.

Nilai bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rakyat berbilang kaum tidak dipisahkan daripada proses pembangunan negara seluruhnya. Dasar bahasa kebangsaan mengandaikan bahawa bahasa Melayu di peringkat nasional dapat dimajukan sebagai alat untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Kepentingan kajian ini membuka ruang kepada penerokaan matlamat yang lebih mudah dicapai kerana prosesnya tidak melibatkan sentimen dan emosi, tetapi semata-mata berdasarkan keinstrumentalan nilai bahasa Melayu itu sendiri untuk memainkan peranan sebagai bahasa perpaduan negara yang utuh dan seterusnya untuk pembangunan masyarakat majmuk khususnya serta negara amnya.

Kepentingan kajian ini turut disasarkan kepada alasan yang paling kuat, iaitu bahasa Melayu mempunyai nilai tambah yang cukup banyak yang tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain yang digunakan di negara ini. Pertama, nilai bahasa Melayu menjana jalinan erat dalam

perhubungan antara pelbagai kaum bagi pelbagai peringkat dan bidang atau ranah komunikasi sosial, iaitu budaya khususnya, di samping politik, perdagangan dan sebagainya. Tegasnya, nilai bahasa Melayu wajar dipertahankan demi kepentingan untuk mewujudkan perpaduan mutlak yang dapat menggambarkan kesejahteraan masyarakat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum.

Kepentingan kajian ini juga menjurus kepada pembentukan aspirasi dan hasrat kerajaan untuk memaparkan potensi atau kelebihan yang banyak dalam nilai bahasa Melayu itu sendiri untuk terus dipertahankan secara rasional dan profesional. Tujuannya untuk menggerakkan nilai bahasa Melayu ke arah pembangunan pelbagai peringkat yang menjurus kepada petunjuk kemantapan sosiobahasa dan sosiobudaya. Asas daripada kepentingan kajian ini turut membuka ruang kepada penggubalan strategi dan matlamat akhir, iaitu untuk menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum menerusi penyerapan yang tersirat oleh nilai bahasa Melayu itu sendiri.

Dari segi realitinya, kepentingan kajian ini mampu menggarab kedudukan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dapat merentas segala sempadan budaya untuk digunakan sebagai wahana kemajuan negara. Pelaksanaannya adalah dengan berpaksikan perpaduan unik dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum. Ini merupakan aset yang tersemam daripada kewujudan nilai bahasa Melayu yang dianggap sebagai bahasa pembina dan penggerak budaya perpaduan negara.

Sorotan Literatur

Dalam aspek bahasa dan budaya, nilai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi seperti yang tertera dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menjadi asas penting kenegaraan dan kebangsaan. Sebagai bahasa kebangsaan, nilai bahasa Melayu menjadi lambang yang signifikan bagi kewujudan entiti budaya yang dikenal sebagai kebudayaan Malaysia (Adenan Ayob, 2009). Nilai bahasa Melayu menjadi asas jati diri bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan menjadi penggerak perpaduan bangsa menerusi komunikasi dalam pelbagai bidang (Sufean Hussin, 2002). Sebagai bahasa rasmi, nilai bahasa Melayu menjadi salah satu unsur penjana bangsa yang peranannya sebagai wahana komunikasi rasmi masyarakat dalam pelbagai urusan sehinggalah kesepaduan dikaitkan dengan konteks perpaduan yang unik.

Nilai bahasa Melayu mampu mengisi erti keperluan berbahasa. Pengisiannya adalah menerusi integrasi persefahaman dalam perpaduan untuk mencapai pembangunan negara yang berasaskan penampilan bahasa serta berteraskan jiwa satu bangsa, iaitu bangsa Malaysia. Aspek yang begitu diperhatikan dan wajar disedari oleh semua golongan masyarakat adalah tentang kejayaan sistem pendidikan negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Nilai bahasa Melayu yang disemaikan di sekolah lebih menjurus kepada pembentukan kesatuan sikap, pemikiran dan pandangan sarwa, khususnya kepada kalangan generasi muda di Malaysia, selain terbentuknya budaya berbahasa yang relatif seragam (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Sarjana bahasa Melayu melihat pergerakan ini sebagai pemerhatian kehidupan alam persekolahan tentang cara yang diharapkan dengan berasaskan nilai bahasa Melayu untuk menjadi landasan ke arah pembentukan ketulenan sikap dan pemikiran intelek anak didik.

Kesedaran juga perlu ada bahawa jika bahasa utama sesuatu bangsa sudah pudar dan pupus, ini menandakan lenyapnya sesuatu bangsa seperti ungkapan yang tercetus, iaitu bahasa menunjukkan bangsa, “hilang bahasa hilanglah bangsa”. Kesedaran ini lebih serius lagi jika dilihat dalam konteks Malaysia yang mengamalkan falsafah bahasa dan budaya untuk menghimpunkan bangsa bawah satu bahasa yang bermartabat (Rosnani Hashim, 2004).


Daripada integrasi perpaduan, nilai bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat dapat menjamin pengamalan adat resam dan kebudayaan semua kaum yang tekal. Cara ini boleh membawa kepada pembangunan insan berasaskan kehidupan bermasyarakat dan bernegara demi merealisasikan budaya bertatasusila, bersopan-santun dan harmoni (Abdullah Sani Yahaya, 2003).

Kaedah Kajian

Kaedah kepustakaan berdasarkan reka bentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji nilai bahasa Melayu dalam perpaduan yang membabitkan masyarakat Malaysia berbilang kaum. Beberapa bahan ilmiah seperti buku dan laporan telah dianalisis secara analitikal untuk menjawab kedua-dua soalan kajian.

Kaedah kajian ini disesuaikan dengan saranan Perakyla (2005). Daripada paparan rajah di bawah, verbatim nilai bahasa dikategorikan kepada kepentingan bahasa Melayu dalam perpaduan dan integriti asas budaya berteraskan nilai bahasa Melayu. Kedua-dua verbatim

dikodkan mengikut urutan dan susunan yang sistematik dengan berdasarkan saranan Lim Kim Hui (2005). Pelaksanaan prosedur pelbagai pengutipan data akan menyediakan peluang kepada proses triangulasi dan pengukuhan analisis data bagi sesuatu kajian analisis kandungan (Miles & Huberman, 1994; Merriam, 2001).



Rajah 1 Carta Alir Penganalisisan Data

Dapatan Kajian

Apakah kepentingan-kepentingan nilai bahasa Melayu dalam perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini?

Kepentingan asas nilai bahasa Melayu digerakkan atas pembinaan negara dan kebudayaan masyarakat. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah memainkan peranan penting untuk menjamin nilai bahasa Melayu sebagai pengukuh perpaduan antara pelbagai kaum. Sesungguhnya Perkara 152 telah mengiktiraf dan mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa rasmi negara. Hal ini demikian kerana nilai bahasa dicetuskan oleh keperluan satu bahasa sebagai panduan menggiatkan komunikasi dalam menjana perpaduan yang lebih harmoni (Adenan Ayob, 2009).

Nilai bahasa Melayu juga dilihat kepentingannya dalam pembentukan lambang jati diri bangsa berlandaskan budaya sesuatu kaum. Bahasa Melayu telah dipilih untuk membentuk lambang jati diri setiap warganegara Malaysia. Hal ini sangat diperlukan kerana setiap negara mempunyai bahasa sendiri. Contohnya, negara Jepun menggunakan bahasa Jepun, negara Jerman menggunakan bahasa Jerman dan negara Perancis menggunakan bahasa Perancis. Oleh hal yang demikian, nilai bahasa Melayu turut berkepentingan ke arah cerminan lambang jati diri pengukuh perpaduan kebangsaan. Justeru, nilai bahasa Melayu mampu memenuhi maksud kemajuan mengikut acuan sendiri, seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 (Abdullah Sani Yahaya, 2003).

Kepentingan nilai bahasa Melayu berikutnya dilihat pada pemilihannya oleh kaum majoriti, iaitu Melayu sebagai bahasa perpaduan. Nilai bahasa Melayu yang asalnya digunakan oleh kaum Melayu begitu mudah diterima sebagai bahasa dalam komunikasi atas alasan mudah dituturkan dan difahami oleh setiap kaum (Rosnani Hashim, 2004). Bagi merealisasikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agen perpaduan negara, Penyata Razak telah dijadikan asas dalam Ordinan Pelajaran 1957. Daripada pernyataan dalam penyata tersebut, nilai bahasa Melayu dalam pendidikan dapat digunakan sebagai alat untuk meningkatkan persefahaman perpaduan kebangsaan antara penduduk yang berbilang kaum.

Bagaimanakah integriti asas budaya berteraskan nilai bahasa Melayu bagi pemupukan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini dapat ditingkatkan?

Bagi menjawab soalan di atas, analisis kajian menunjukkan bahawa nilai bahasa Melayu perlu digerakkan atas dasar bahasa ilmu dan pengetahuan. Kekuatan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pengetahuan tercetus pada awalnya daripada Laporan Razak 1957 dan 1961. Penyemakan pelaksanaan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyemak Rahman Talib telah menghasilkan pula Laporan Rahman Talib. Laporan ini bertujuan untuk memungkinkan nilai bahasa Melayu digunakan sepenuhnya sebagai bahasa kebangsaan, selain diberikan tempat sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan supaya dapat berkembang menjadi bahasa yang moden serta mampu menjadi asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat dengan berteraskan perpaduan nasional (Hassan Ahmad, 2002).

Nilai bahasa Melayu juga perlu dilihat fungsinya dalam pelbagai kesantunan (Adenan Ayob, 2009). Dalam hal ini, nilai bahasa Melayu akan dapat berfungsi lebih aktif sebagai bahasa kebangsaan untuk mencerminkan estetika keluwesan yang menjadi pengukur utama kesantunan budaya komunikasi masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Nilai bahasa Melayu memang memiliki ciri istimewa, selain terkenal dengan penampilan budaya ketimuran dalam komunikasi lisan dan bukan lisan pelbagai kaum seperti lemah lembut, beradab dan berbudi bahasa. Oleh sebab itu, semua kaum perlu membudayakan perpaduan bangsa berteraskan kaum menerusi pembakuan bahasa yang dikatakan mempunyai nilai estetika dan kesantunan yang tinggi (Hassan Ahmad, 2002).

Perbincangan

Fungsi yang termaktub dalam nilai bahasa Melayu sebagai satu bahasa dan juga merupakan bahasa ilmu dan pengetahuan mampu terus menyemarakkan semangat perpaduan kaum di Malaysia dengan membawa dimensi baharu dalam arena kebahasaan. Dapatan kajian ini tentang kepentingan nilai bahasa Melayu sebagai satu bahasa dan bahasa ilmu dan pengetahuan untuk perpaduan semua kaum telah turut dibincangkan oleh Hassan Ahmad (2002). Hassan Ahmad menambah bahawa nilai bahasa Melayu yang mencapai taraf sebagai satu bahasa dalam masyarakat majmuk, selain merupakan bahasa ilmu dan pengetahuan perlu mempunyai dua ciri penting, iaitu keintelektualan dan kesempurnaan nilai bahasa Melayu.

Aspek keintelektualan dalam nilai bahasa Melayu mestilah mempunyai keupayaan menyampaikan hujah dan buah fikiran menerusi komunikasi perpaduan secara berkesan serta tepat, iaitu mampu menyampaikan kesinambungan dan kerumitan fikiran tanpa melalui pelbagai rintangan (Sufean Hussin, 2002). Kesempurnaan nilai bahasa Melayu dalam aspek ilmiah pula harus mempunyai sistem dan peraturan yang lengkap, iaitu sifat-sifat kestabilan, kelenturan, kepelbagaian, keberkesanan dan keindahan dalam komunikasi yang boleh mencetuskan persefahaman. Pencapaian taraf keintelektualan dalam nilai bahasa Melayu akan menjadi lebih nyata apabila digunakan sebagai bahasa ilmiah dalam komunikasi demi menggerakkan perpaduan (Asep Ahmad Hidayat, 2006).

Nilai bahasa Melayu bukan sahaja mampu menyampaikan pelbagai ilmu dan pengetahuan, malah berupaya memikul tanggungjawab yang besar sebagai bahasa persatuan dan kesatuan kaum di Malaysia. Hasil kajian ini tentang nilai bahasa Melayu dalam penggemblengan ilmu dan pengetahuan turut dibuktikan sejak sekian lama menerusi perpaduan yang kukuh dan persefahaman kaum yang kuat dalam kalangan masyarakat (Sufean Hussin, 2002). Suasana sosiobudaya dan sosiobahasa juga turut stabil, sekali gus merancakkan lagi pembangunan negara. Secara ringkasnya, ini adalah berkat nilai bahasa Melayu itu sendiri yang mempunyai asas yang kuat sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara ini sejak awal tahun 70-an.

Nilai bahasa Melayu yang mampu menjadi teras perpaduan bangsa Malaysia digunakan secara bersama dan meluas. Nilai bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa basahan, namun bahasa rasmi

dan tidak rasmi dalam menjana perpaduan dalam kalangan masyarakat. Nilai bahasa Melayu yang diaplikasikan dalam perpaduan telah menjangkau ke peringkat antarabangsa (Rosnani Hashim, 2004).

Dunia semakin berkembang dan masyarakat semakin maju dan berpengetahuan. Justeru, nilai bahasa Melayu dilihat mempunyai tahap keterbukaan dan toleransi yang begitu tinggi kepada kemasukan istilah-istilah baharu dan kata asing. Dinamika ini amat diperlukan untuk memastikan nilai bahasa Melayu terus bertahan sebagai satu bahasa yang melambangkan jiwa bangsa (Adenan Ayob, 2009) untuk menjamin keutuhan komunikasi dalam jalinan perpaduan.

Hakikatnya, dalam konteks perpaduan di Malaysia, interaksi amat penting bagi menentukan hubungan kesantunan berbahasa antara masyarakat pelbagai kaum dapat terus berlangsung atau dipertahankan. Oleh itu, perlu kelangsungan luas berkenaan loghat, jargon, slanga, gurauan, cerita rakyat, budaya setempat dan sebagainya disemai menerusi nilai bahasa Melayu. Pokoknya, nilai bahasa Melayu membuka ruang kepada semua golongan masyarakat berbilang kaum untuk menyatakan perasaan, emosi, peribadi serta reaksi secara bersopan-santun (Sufean Hussin, 2002).

Jelasnya, dasar-dasar yang digubal oleh para pemimpin negara telah berjaya melaksanakan semua perakuan tentang kepentingan pembentukan perpaduan menerusi bahasa. Sejarah bermula daripada penggubalan Penyata Razak 1956 tentang pendidikan bahasa. Langkah susulan adalah dengan mengambil kira perakuan-perakuan dalam perkara yang sama dalam laporan-laporan berikutnya seperti Laporan Barnes, Feng Wu dan Rahman Talib. Selain itu, dasar bahasa kebangsaan dan pendidikan yang telah dibentangkan oleh pihak kerajaan bertujuan memantapkan bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan bangsa (Abdullah Sani Yahaya, 2003).

Penutup

Perbezaan bahasa bukan lagi penghalang ke arah usaha murni kerajaan kerana rakyat Malaysia berada serumpun dalam satu bangsa dan satu bahasa dengan meniti gagah ke arah pencernaan gagasan tersebut. Nilai bahasa Melayu sebagai alat penyatuan bangsa harus dilihat dengan lebih telus memandangkan akar penyatuan kaum perlu diasaskan kepada kedudukan orang Melayu yang menjadi asas utama dalam pembentukan budaya bahasa di Malaysia.

Oleh hal yang demikian, usaha meningkatkan nilai bahasa Melayu adalah satu tanggungjawab yang tidak boleh dipandang ringan oleh

mana-mana pihak. Kemajuan dari segi budaya, komunikasi dan pendidikan membuatkan kedudukan nilai bahasa Melayu semakin tercabar dan terhimpit. Dalam usaha memisahkan nilai bahasa Melayu daripada kesempitan tersebut, masyarakat dan pemimpin wajar memainkan peranan penting untuk melaksanakan peraturan dan undang-undang ke arah memastikan nilai bahasa Melayu terus utuh berkembang untuk menjana perpaduan kaum.

Perlu dihalusi bahawa nilai bahasa Melayu telah dapat berfungsi amat baik dan berkesan sebagai bahasa perpaduan sehingga mampu mewujudkan persefahaman erat dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini. Faktor ini tidak harus dilupakan kerana dengan wujudnya hubungan yang mantap antara nilai bahasa dengan perpaduan. Hasilnya, negara dapat membangun dan maju berasaskan kerukunan dalam perpaduan. Tegasnya juga, Kebudayaan Kebangsaan mesti diperteguh menerusi kajian semula secara lebih mendalam terhadap nilai bahasa dan hubungannya dengan kemandapan perpaduan.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahaya, 2003. *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Bentong, Pahang: PTS Pub. & Distributor Sdn. Bhd.
- Adenan Ayob, 2009. *Bahasa kebangsaan*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Asep Ahmad Hidayat, 2006. *Filsafat bahasa mengungkap hakikat bahasa, makna dan tanda*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Hassan Ahmad, 2002. *Dasar bahasa dan pembangunan negara di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Lim Kim Hui, 2005. "A Philosophical Study of Malay Language". Disertasi Ph.D. University of Hamburg.
- Merriam, S. B., 2001. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M. B. & A. M. Huberman, 1994. *Qualitative data analysis*. London: Sage Publications, edisi ke-2.
- Perakyla, A., 2005. *Analyzing talk and text* dalam Y.S.L Norman & K. Denzin [ed], Edisi ke-3. *Qualitative Research*. London: Sage Publications.
- Rosnani Hashim, 2004. *Educational dualism in Malaysia: Implications for theory and practice*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Sufean Hussin, 2002. *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia. Teori dan analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.